

# BISIK-BISIK

Um 7/6/06 (Rabu) Rencana Pengarang

**KEMENTERIAN Sumber Asli dan Alam Sekitar** merumuskan bahawa kejadian tanah runtuh di sekitar Hulu Klang termasuk di Kampung Pasir berpunca daripada kegagalan pihak berkuasa tempatan (PBT) mematuhi garis panduan pembangunan tanah tinggi.

Ini bukanlah suatu yang memeranjatkan. Pun begitu, Awang mengucapkan terima kasih atas pengakuan ini. Setidak-tidaknya terhenti sejenak lagu *bangau oh bangau*.

Sungguhpun menghargai pengakuan ini, Awang ingin bertanya apa yang akan dibuat untuk menghentikan pelbagai perbuatan salah di peringkat PBT. Tentulah tidak cukup sekadar membuat rumusan pihak mana yang bersalah.

Andainya tiada apa-apa dilakukan, maka rumusan kementerian itu tidak membawa sebarang makna. Ia akan tinggal menjadi retorik kosong – sama macam omong kosong di kedai kopi.

Dan jika manusia-manusia di PBT tahu tiada tindakan akan diambil terhadap mereka, maka segala garis panduan akan menjadi dokumen hiasan.

Semua PBT hendaklah sedar apa yang mereka buat melibatkan nyawa manusia. Janganlah buat heboh hanya bila berlaku malapetaka.

Awang – Peminat *Jomheboh*.

*Awang Selamat*